

## Penyebaran Infodemik dalam Media Sosial terhadap Warga Emas semasa Pandemik Covid-19.

Nur Haffiza Binti Rahaman<sup>1</sup>, Liley Afzani Binti Saidi<sup>1</sup>, Rayyan Cheong Tian Ming Abdullah<sup>1</sup>  
Zarina Binti Kassim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>National Defence University of Malaysia

### Abstrak

Media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat pada masa kini. Kemajuan teknologi secara umumnya memudahkan pengedaran maklumat sekaligus membuka ruang kepada isu penyebaran maklumat palsu yang mengundang kepada tindakan yang lebih agresif. Keadaan ini akhirnya memberikan cabaran kepada pihak kerajaan untuk memerangi isu berita palsu berkaitan COVID-19. Secara umum, konsep infodemik melibatkan maklumat benar atau tidak benar yang melibatkan sesuatu isu melibatkan penyakit secara pantas di media sosial. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan mengenai pengaruh media sosial dalam mempengaruhi individu dari aspek kognitif, emosi dan tingkah laku terutama melibatkan warga emas. Ketika pandemik COVID-19, penyebaran maklumat secara tidak terkawal secara jelas akan memberi kesan kepada seluruh lapisan masyarakat yang akhirnya menimbulkan rasa cemas dan tidak selamat kepada masyarakat. Oleh itu, terdapat beberapa komponen penting yang dibincangkan dalam penulisan ini terutamanya kesan penularan maklumat palsu kepada psikologi warga emas melibatkan keseimbangan emosi, corak pemikiran dan tingkah laku. Selain itu, perbincangan juga melibatkan peranan institusi masyarakat dalam isu penularan infodemik yang tidak benar dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** infodemik, media sosial, warga emas, pandemik COVID-19

## **1.0 Pendahuluan**

Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) yang berpunca daripada wabak novel sindrom pernafasan akut yang teruk coronavirus 2 (SARS-CoV-2) yang melanda seluruh dunia berpunca di Wuhan, China sejak 12 Disember 2019 [1]. Covid-19 diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Seduani (WHO) sebagai pandemik kerana telah menyerang lebih 110 buah negara dan menjejaskan hampir seluruh masyarakat di dunia [2]. Namun di Malaysia, kes pertama Covid-19 diterima pada 25 Januari 2020 [3]. Antara ciri-ciri penyakit Covid-19 yang telah dikenalpasti ialah mempunyai kesukaran untuk bernafas, sakit tekak, batuk dan demam [4].

Maklumat sangat penting ketika seluruh dunia sedang memerangi wabak yang melanda. Maklumat penting untuk masyarakat membuat persediaan dan mengambil keputusan yang tepat berkenaan pandemik. Namun, masyarakat di dunia ini bukan sahaja memerangi wabak pandemik, malah lebih dari itu sedang memerangi infodemik. Infodemik ialah jumlah maklumat berlebihan berkenaan sesuatu wabak yang tersebar dengan lebih mudah dan cepat [5]. Pandemik menjadi kerisauan dalam kalangan masyarakat kerana ia cenderung untuk menyebarkan khabar angin dan maklumat yang salah semasa keadaan kesihatan awam tidak stabil. Ia juga boleh mewujudkan kekeliruan dan mencetuskan panik dalam kalangan orang ramai. Oleh itu, secara umumnya konsep infodemik melibatkan maklumat benar atau tidak benar yang melibatkan sesuatu isu melibatkan penyakit secara pantas di media sosial.

## **2.0 Infodemik dan Covid-19**

Pandemik COVID-19 tidak terkecuali dari kes penyebaran maklumat secara tidak terkawal yang memberi kesan kepada seluruh lapisan masyarakat, seterusnya menimbulkan rasa cemas dan tidak selamat kepada masyarakat. Penyebaran maklumat yang salah atau infodemik ini boleh mempercepatkan proses penularan wabak sehingga ke tahap memecahbelahkan masyarakat. Infodemik menyebabkan banyak masalah berlaku dalam kalangan masyarakat dan menjejaskan negara [6]. Infodemik cenderung untuk disebarluaskan secara meluas di dalam talian melalui media sosial dan telah dikenalpasti sebagai laluan utama berbanding media arus perdana [7]. Hal ini disebabkan oleh perkembangan teknologi semasa sehingga masyarakat lebih banyak bergantung kepada maklumat yang dibekalkan di media sosial.

Pada tahun 2019, dianggarkan 2.95 juta individu menjadi pengguna media sosial di seluruh dunia [8]. Oleh itu, pencarian maklumat berkaitan Covid-19 melalui media sosial lebih luas dan pantas terutamanya berkaitan vaksin [9]. Lebih buruk lagi apabila pengguna media sosial sering menambah ulasan laporan yang mengelirukan dan menyebarkan fakta yang salah sehingga dipercayai oleh masyarakat [10]. Penyebaran infodemik oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab mempunyai beberapa faktor. Antaranya ialah kerana ia dilihat sebagai alat untuk menghiburkan atau bergurau, maklumat yang disampaikan tidak berdasarkan ketepatan maklumat, berkaitan konspiransi yang sengaja dicipta untuk menimbulkan huru hara dalam kalangan masyarakat, dan juga sesuatu maklumat yang salah lebih menarik perhatian masyarakat dari maklumat yang benar [11].

Semasa wabak Covid-19 berlaku, corak pemikiran masyarakat telah berubah. Masyarakat telah dibanjiri dengan tanggapan salah tentang penyakit tersebut sehingga mula mencari maklumat yang berkaitan kerana mereka bimbang bahawa senario terburuk akan berlaku tidak lama lagi. Tidak kira betapa prihatinnya pihak berkuasa dalam menyampaikan maklumat, orang ramai tidak peduli dari mana maklumat itu berasal selagi ia dianggap berguna dalam mendepani cabaran wabak Covid-19. Infodemik merupakan maklumat yang salah berkaitan pandemik yang mudah diterima oleh masyarakat. Masyarakat cenderung untuk dipercayai sebarang maklumat yang terdapat di media

sosial disebabkan oleh sikap masyarakat yang enggan mencari tahu kesahihan sesuatu fakta melalui sumber yang sah dan lebih senang menerima sahaja maklumat yang disajikan tanpa berfikir panjang [12]. Sikap masyarakat yang sebegini akhirnya akan memberikan cabaran kepada pihak kerajaan untuk memerangi isu berita palsu berkaitan Covid-19.

### **3.0 Penyebaran infodemik dan warga emas**

Semasa berlakunya pandemik, pihak kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menasihatkan orang ramai terutamanya warga emas tidak keluar dari rumah [13]. Hal ini kerana warga emas merupakan golongan yang berisiko tinggi terhadap daya tahan dari penyakit Covid-19. PKP telah melalui lapan fasa iaitu bermula dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020, 1 April hingga 14 April 2020, 15 April hingga 28 April 2020, 29 April hingga 3 Mei 2020, 4 Mei hingga 11 Mei 2020, 12 Mei hingga 9 Jun 2020, 10 Jun hingga 31 Ogos 2020, dan 1 September hingga 31 Disember 2020. Sepanjang PKP berlangsung, rakyat perlu akur dengan perintah kerajaan untuk berada di rumah. Oleh itu, hal ini menyebabkan pelbagai aktiviti sosial terbatas yang secara tidak langsung memberi kesan psikologi terhadap masyarakat seperti kemurungan, tekanan, kesunyian dan sebagainya. Warga emas tidak terkecuali dalam keterbatasan menjalankan rutin harian dan merupakan golongan rentan yang terkesan dari pelbagai aspek terutamanya aspek psikologi dan daya tahan [14].

Pengasingan akan menyebabkan interaksi sosial dalam kalangan warga emas semakin terbatas, seterusnya boleh mengganggu mood dan perasaan warga emas [15]. Oleh itu, warga emas lebih banyak bergantung kepada maklumat yang diberikan melalui media massa dan media sosial bagi mendapatkan informasi berkenaan wabak penyakit Covid-19 [16]. Kebergantungan ini telah menyebabkan rasa takut dan cemas yang mencabar daya tahan warga emas disebabkan oleh sistem imunisasi yang lemah [17].

Warga emas juga merupakan kumpulan yang dikenalpasti untuk mudah percaya dan berkongsi artikel atau maklumat yang salah di media sosial berbanding golongan remaja dan kanak-kanak [18]. Hal ini disebabkan oleh golongan warga emas kurang celik teknologi digital sehingga mengalami kesukaran untuk tidak menapis maklumat yang salah [19]. Selain itu, faktor golongan warga emas menggunakan media sosial juga memainkan peranan dimana golongan ini menjadi pengguna media sosial untuk bersosial, bukannya bertujuan untuk mengumpul maklumat [20]. Warga emas yang menjadi pengguna Facebook cenderung untuk berkongsi maklumat ke pautan palsu tujuh kali ganda lebih kerap berbanding golongan yang lain [21]. Kajian terhadap Twitter juga menunjukkan 80% maklumat salah disebarkan oleh golongan warga emas [22]. Lebih teruk lagi, Whatsapp yang lebih mesra pengguna menjadi platform utama dalam perkongsian maklumat yang salah dari warga emas [23]. Kepercayaan bahawa sesuatu maklumat itu berguna kepada masyarakat merupakan faktor warga emas mudah untuk menyebarkan sesuatu infodemik [24].

Kajian menunjukkan infodemik memberi kesan yang signifikan terhadap tingkah laku warga emas. Warga emas yang terdedah dengan infodemik cenderung untuk menolak vaksin Covid-19 [25]. Kepercayaan terhadap maklumat yang tersebar akan menjadi penghalang terhadap kerelaan warga emas dalam mendapatkan perlindungan vaksin. Terdapat juga kemungkinan untuk warga emas menghalang saudara dan rakan terdekat untuk mengambil vaksin sebagai langkah pencegahan [26]. Lebih-lebih lagi apabila maklumat berkenaan vaksin diburukkan lagi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Hal ini akan menyukarkan usaha pihak kerajaan untuk menghalang wabak dari terus merebak [27]. Kajian juga menunjukkan infodemik boleh membawa kepada syak wasangka, ketidakpercayaan, dan ketidakpastian serta meningkatkan risiko perasaan cemas, tidak selamat dan ketegangan emosi, semuanya boleh menjejaskan kualiti kehidupan warga tua [28].

Kebimbangan yang disebabkan oleh infodemik menyebabkan kekaburan maklumat mengenai Covid-19 boleh menggalakkan kemunculan masalah kesejahteraan mental dan meningkatkan kadar bunuh diri [29]. Kebimbangan ini muncul apabila penyebaran maklumat bahawa risiko yang dihadapi oleh warga emas sangat teruk sehingga boleh membawa maut telah menyumbang kepada masalah kesejahteraan mental [30].

#### **4.0 Penutup**

Institusi masyarakat memainkan peranan yang sangat penting dalam mengekang penularan infodemik berkaitan wabak Covid-19. Warga emas cenderung untuk berkongsi maklumat yang diterima kepada orang yang dipercayai seperti keluarga, rakan-rakan dan ahli komuniti setempat. Walau bagaimanapun, maklumat yang diterima tidak semestinya maklumat yang tepat dari sumber yang sahih dan akan menyebabkan risiko terhadap infodemik, penyebaran berita palsu, dan khabar angin. Media sosial digital ialah platform yang paling kerap digunakan untuk mencari maklumat berkaitan pandemik Covid-19. Hal ini adalah disebabkan oleh tahap kebergantungan masyarakat yang tinggi semasa PKP dan sepanjang penularan wabak. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana maklumat yang tersebar melalui media sosial menyebabkan masalah kesihatan mental dalam kalangan warga emas seperti kebimbangan, kemurungan, ketakutan, tekanan dan sebagainya. Oleh itu, kerjasama dari pelbagai pihak perlu dilakukan agar warga emas tidak menjadi mangsa infodemik. Kempen kesedaran dan usaha kerjasama antara pihak berkuasa kesihatan awam serta pakar teknologi maklumat dan komunikasi diperlukan. Masyarakat juga harus diberi pendedahan akan bahaya infodemik dan maklumat palsu yang akan memberi kesan yang lebih buruk terhadap warga emas. Untuk mengelakkan infodemik dalam kalangan warga emas, peruntukan masa berada di skrin digital dan media sosial haruslah dihadkan. Data yang tidak jelas dan statistik yang berlebihan perlu dielakkan agar warga emas lebih mudah untuk memahami situasi Covid-19 dengan lebih mudah. Masyarakat harus berganding bahu memberi sokongan terhadap warga emas agar mereka tidak rasa kesunyian seterusnya dapat mengelakkan gejala tekanan mental.

## 5.0 Rujukan

- [1] YR Guo, QD Cao, ZS Hong, YY Tan, SD Chen, HJ Jin, KS Tan, DY Wang, Y Yan, “The origin, transmission and clinical therapies on coronavirus disease 2019 (COVID-19) outbreak – an update on the status,” *Mil Med Res*, vol. 7 (1), pp 11, 2019.
- [2] MK Amy, “Coronavirus is officially a pandemic. Here's why that matters,” *National Geographic*, <https://www.nationalgeographic.com/science/article/how-coronavirus-could-become-pandemic-and-why-it-matters>, 2020.
- [3] Borneo Post Online, “First coronavirus cases in Malaysia: 3 Chinese nationals confirmed infected, quarantined in Sungai Buloh Hospital,” <https://www.theborneopost.com/2020/01/25/first-coronavirus-cases-in-malaysia-3-chinese-nationals-confirmed-infected-quarantined-in-sungai-buloh-hospital/>, 2020.
- [4] N Basir, IS Ab Rahim, MZ Halim, “Analisis tingkah laku sosiologi masyarakat berasaskan teori interaksionisme melalui perangkaan data kes COVID-19 di Malaysia”, *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, vol 11, pp 11-30, 2020
- [5] D Rothkopf, “Words We're Watching: 'Infodemic'”, <https://www.merriam-webster.com/words-at-play/words-were-watching-infodemic-meaning>, 2022.
- [6] M Cinelli, W Quattrocioni, A Galeazzi, CM Valensise, E Brugnoli, AL Schmidt, P Zola, F Zollo, A Scala, “The COVID-19 social media infodemic”, *Scientific reports*; vol 10(1), pp 1-0, 2020.
- [7] J Jang, EJ Lee, SY Shin, “What debunking of misinformation does and doesn't”, *Cyberpsychol. Behav. Soc. Netw*, vol 22, pp 423–427, 2019.
- [8] A Mourad, A Srour, H Harmanani, C Jenainati, M Arafeh, “Critical impact of social networks infodemic on defeating coronavirus COVID-19 pandemic: Twitter-based study and research directions,” *IEEE Transactions on Network and Service Management*, vol 17(4), pp 2145-2155, 2020.
- [9] J Radzikowski, A Stefanidis, KH Jacobsen, A Croitoru, A Crooks, PL Delamater, “The measles vaccination narrative in twitter: A quantitative analysis” *JMIR Public Health Surveill*, vol 2, 2016.
- [10] Anspach, N. M., and Carlson, T. N. (2020). What to believe? Social media commentary and belief in misinformation. *Polit. Behav.* 42, 697–718. doi: 10.1007/s11109-018-9515-z
- [11] S Altay, AS Hacquin, H Mercier, “Why do so few people share fake news? It hurts their reputation”, *New Media & Society*, 2020.
- [12] M Rehman, A Dass, J Alamgir, “Infodemic covid-19: The effects of social media Infodemic on people’s attitude towards covid-19 in Pakistan”, *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, vol 18(4), pp 1085-100, 2021.
- [13] A Rahimah, “Warga emas disaran elak keluar rumah ketika PKPB”, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-disaran-elak-keluar-rumah-ketika-pkpb-241329>, 2020.
- [14] SDS Rohayah, RM Wafi, MSS Haminah, “Daya tahan warga emas dalam era pandemik: Satu tinjauan awal sewaktu perintah kawalan pergerakan (PKP) di Pulau Pinang, Malaysia”, vol 8 (2), pp 110-128, 2020.
- [15] Philip, J. & Cherian, V. (2020). Impact of COVID-19 on mental health of the elderly. *International Journal of Community Medicine and Public Health*, 7(6), 2435-2436
- [16] SHA Rauf, SHAB Ah, A Fahrudin, “Social Change Post COVID-19 in Malaysia: The Density of Social Network”, *Asian Social Work Journal*, vol 5(2), pp 1-5, 2020.
- [17] B Plagg, A Engl, G Piccoliori, K Eisendle, “Prolonged social isolation of the elderly during COVID-19: Between benefit and damage”, *Archives of gerontology and Geriatrics*, vol 89, pp 1-2, 2020.
- [18] RL Greenspan, EF Loftus, “Pandemics and infodemics: Research on the effects of misinformation on memory”, *Human Behavior and Emerging Technologies*, vol 3(1), pp 8-12, 2021.

- [19] NM Brashier, DL Schacter, “Aging in an era of fake news”, *Current directions in psychological science*, vol 29(3), pp 316-323, 2020.
- [20] Brashier, N. M., & Schacter, D. L. (2020). Aging in an era of fake news. *Current directions in psychological science*, 29(3), 316-323.
- [21] A Guess, J Nagler, J Tucker, “Less than you think: prevalence and predictors of fake news dissemination on Facebook”, *Sci Adv*, vol 5(1), 2019.
- [22] N Grinberg, K Joseph, L Friedland, B Swire-Thompson, D Lazer, “Fake news on Twitter during the 2016 US presidential election”, *Science* vol 363(6425), pp 374–378, 2019.
- [23] R Walcott, “WhatsApp aunties and the spread of fake news”, <https://wellcomecollection.org/articles/Xv3T1xQAAADN3N3r>, 12 Jan 2021.
- [24] J Phanmool, P Propunprom, “Situation of Media Access, Fake News Recognition and the Impacts of Media Use of the Elderly in Urban Communities in a New Normal”, *Journal of Legal Entity Management and Local Innovation*, vol 7(8), pp 171-84, 2021.
- [25] N Georgiou, P Delfabbro, R Balzan, “ COVID19-related conspiracy beliefs and their relationship with perceived stress and preexisting conspiracy beliefs”, *Pers. Individ. Dif.* Vol 166, pp110201, 2020.
- [26] J Roozenbeek, CR Schneider, S Dryhurst, J Kerr, AL Freeman, G Recchia, AM Van Der Bles, S Van Der Linden, “Susceptibility to misinformation about COVID-19 around the world. Royal Society open science”, vol 7(10), pp 201199, 2020.
- [27] M Stanley, N Barr, K Peters, P Seli, “Analytic-thinking predicts hoax beliefs and helping behaviors in response to the COVID-19 pandemic”, *PsyArxiv Prepr*, vol 20;27(3), pp 464-77, 2021 .
- [28] E Radwan, A Radwan, W Radwan, “Challenges Facing Older Adults during the COVID-19 Outbreak. *European Journal of Environment and Public Health*”, vol 5(1), 2021.
- [29] V Tucci, N Moukaddam, J Meadows, S Shah, SC Galwankar, GB Kapur, “The forgotten plague: Psychiatric manifestations of Ebola, Zika, and emerging infectious diseases”, *Journal of global infectious diseases*, vol 9(4), pp 151-156, 2017.
- [30] SC Ho, CY Chee, RC Ho, “Mental health strategies to combat the psychological impact of COVID19 beyond paranoia and panic”, *Ann Acad Med Singapore*, vol 49(1), pp 1-3, 2020.